

# Waspada ahli Pas talam dua muka

Oleh **Azman  
Mahmood**

KOTA BHARU. Selasa - Pemimpin Umno di semua peringkat di Kelantan diminta berhati-hati dengan dakwaan ahli Pas yang kononnya berminat menyertai Umno supaya tidak tertipu dengan sikap talam dua muka golongan berkenaan.

Pengerusi Badan Perhubungan & Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Umno mempunyai pelbagai pengalaman ditipu penyokong parti pembangkang itu yang bersungguh-sungguh mahu menyokong perjuangan Umno dengan syarat diberi pelbagai kemudahan prasarana.

Katanya, kesediaan ramai penyokong Pas membubarkan cawangan parti itu di beberapa kawasan dengan syarat Umno menyediakan beberapa kemudahan asas yang diperlukan. boleh diurus jika me-

reka ikhlas menvertai Umno.

"Saya sendiri pernah ditipu di Jeli ketika pilihan raya umum lalu apabila penyokong Pas kata mahu menyertai Umno jika kita sediakan kemudahan seperti jambatan, tetapi apabila kemudahan diberi kita dapati mereka tidak menunaikan janji.

"Oleh itu, pemimpin Umno di semua peringkat jangan cepat terpengaruh dengan dakwaan ahli Pas ingin menyertai kita, sebaliknya teliti dulu tujuan sebenar mereka,

"Soal keperluan dan bantuan yang diperlukan boleh diuruskan kemudian, yang penting pastikan mereka ikhlas mahu menyertai Umno," katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau berkata, sikap pihak yang mendakwa ingin bersama Umno tetapi mengharapkan pulangan

dalam bentuk kemudahan atau wang ringgit membuktikan mereka tidak ikhlas membantu parti.

Namun begitu, katanya, Umno bangga dengan perubahan sikap rakyat Kelantan kebelakangan ini yang semakin berminat mendekati perjuangan Umno dan kesediaan ahli Pas menyertai parti itu.

Mustapa yang juga Pengerah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, Kerajaan Pusat memberi jaminan melaksanakan program pembangunan di Kelantan, terutama projek yang membabitkan kepentingan rakyat.

Katanya, kesediaan itu dengan sendirinya membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) di peringkat Pusat prihatin terhadap nasib rakyat yang kurang mendapat pembelaan kerajaan negeri pimpinan Pas.

"Dakwaan kononnya wu-

jud tekanan terhadap saluran bantuan kewangan kepada Kelantan adalah tidak benar dan lebih cenderung sebagai tuduhan pembangkang yang mahu melindungi kelemahan mereka.

"Bantuan terbaru diluluskan Kerajaan Pusat kepada Kelantan tahun ini berjumlah RM600 juta, khusus untuk pembinaan sekolah selaras usaha meningkatkan dan memajukan mutu pendidikan di negeri itu termasuk di kawasan luar bandar.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan kesediaan Kerajaan Pusat membantu Kelantan bagi meningkatkan prasarana yang menjadi keperluan rakyat.

"Apa yang pasti, pembangunan di Kelantan pasti lebih rancak jika pentadbiran di negeri ini sealign dengan kepemimpinan peringkat Kerajaan Pusat," katanya.